

LAMPIRAN H



Terma Pembayaran

1. Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan kepada Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pengujian Dan Pentauliahahan (SPP) seperti format di **Lampiran D** dan **Lampiran E**.
2. Nota Kredit dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah disertakan bersama bagi kes-kes kegagalan pembekalan peralatan secara penuh. Borang Pengesahan Penalti adalah seperti di **Lampiran O**.
3. Kontraktor hanya boleh membuat tuntutan pembayaran terhadap mana-mana pesanan yang telah disempurnakan.
4. Semua pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja kepada akaun bank perniagaan kontraktor.
5. Sekiranya ada unsur pemfaktoran dari kontraktor dengan mana-mana syarikat pemfaktoran yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan, maka Kerajaan akan membayar terus kepada syarikat pemfaktor berkenaan **sehinggalah terdapat persetujuan secara bertulis dari syarikat pemfaktoran untuk mengarahkan pembayaran dibuat kepada kontraktor**.
6. Pembayaran penuh untuk tiap-tiap pesanan yang telah disempurnakan sebolehnya akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari selepas invoice yang lengkap diterima. Tuntutan kontraktor tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - i) Sijil Akuan Penerimaan (SAP) telah ditandatangani oleh Pegawai Penerima sebagai pengesahan bahawa barang-barang atau alat-alat di terima dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi yang di tentukan.
 - ii) Sijil Pengujian dan Pentauliahahan (SPP) telah ditandatangani oleh Pegawai Penerima sebagai pengesahan bahawa barang-barang atau alat-alat dipasang dan diujilari berada dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi yang di tentukan.
 - iii) Kontraktor hendaklah mengemukakan tiga (3) salinan Sijil Akuan Penerimaan (SAP), Sijil Pengujian dan Pentauliahahan (SPP) dan invoice ke Jabatan Pengguna (termasuk yang asal).



- iv) Nota Kredit (sekiranya berkenaan).
7. Bagi item-item yang mana kontraktor diperlukan membuat pemasangan dan ujilari, pembayaran penuh hanya akan di buat sekiranya item-item berkenaan telah diuji dan dipasang dengan memuaskan. Untuk itu Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) perlu disediakan oleh kontraktor dan ditandatangani oleh Pegawai Penerima sebagai bukti kerja-kerja pemasangan telah dijalankan. Sijil ini hendaklah dikemukakan bersama invoice dan SAP apabila memohon pembayaran.
 8. Pembayaran untuk tiap-tiap tuntutan bekalan/perkhidmatan yang telah disempurnakan akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya dokumen lengkap dan tiada perkara-perkara berbangkit (kuiri dokumen).
 9. Pembayaran kepada Kontraktor tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Bayaran oleh Kerajaan tidak melepaskan Kontraktor atas tanggungjawab yang berkaitan di dalam kontrak.